

Headline	THT buru gelaran hatrik, TNB dapat tonik baharu		
MediaTitle	Kosmo		
Date	01 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Sukan	Page No	46
ArticleSize	233 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 18,141		



**SAINGAN** merebut Piala Sumbangsih bakal mempertemukan THT dan TNB pada aksi yang berlangsung 7 Februari ini.

## THT buru gelaran hatrik, TNB dapat tonik baharu

**PASUKAN** Hoki Terengganu (THT) menggalas misi cukup besar pada saingan musim ini apabila mahu memburu kejuaraan hatrik berganda dalam kempen Liga Hoki Malaysia (MHL) dan Piala Sumbangsih.

Pasukan dari Pantai Timur itu dilabelkan antara pasukan pilihan menjelang saingan 2024 yang bermula hari ini selepas menang dua kali berturut dalam saingan liga dan Piala Sumbangsih sejak edisi 2022.

Misi pemburuan itu akan bermula dengan aksi Piala Sumbangsih menentang pasukan Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang dijadualkan berlangsung di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil 7 Februari ini.

Ketua jurulatih THT, Mohd. Harfizi Baharom percaya dengan kemampuan pasukan itu meskipun mereka mempertaruhkan sepenuhnya pemain-pemain tempatan bagi mengharungi saingan musim ini.

"Menjelang Piala Sumbangsih nanti, kita bekerja keras dengan pemain-pemain sedia ada untuk kekalkan keju-

raan itu. Saya yakin 100 peratus dengan pemain sedia ada untuk mempertahankannya.

"Memang betul kita mencari gelaran hatrik dan semua pemain akan bekerja keras untuk aksi pembukaan nanti. Kami juga perlu buat kerja termasuk analisis TNB menjelang Sumbangsih," katanya pada sidang media di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil semalam.

Sementara itu, Jurulatih TNB, Nor Saiful Zaini sedia untuk berdepan THT dengan kemasukan beberapa muka baharu termasuk pemain import dari Korea Selatan, Jang Jong-hyun serta kepulauan Shello Silverius dan Marhan Jalil.

"Tahun ini ada sedikit perbezaan di mana dua bekas pemain kita, iaitu Shello dan Marhan kembali ke TNB. Selain itu, kita juga membawa masuk seorang pemain luar, iaitu Jang (Jong Hyun).

"Kami juga sudah kumpulkan hampir kesemua pemain pada ketika ini dan sudah bersedia sepenuhnya untuk menghadapi perlawanan pertama kami pada Piala Sumbangsih," ujarnya.